

## SEMANGAT KEKITAAN DALAM SESEBUAH KELUARGA

Se Kuan Wei  
Chin Sam Yoong  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Wei, S. K., Yoong, C. S. & Jasmi, K. A. (2012). Semangat Kekitaan dalam Sesebuah Keluarga in *Prosiding Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 22 September 2012, pp. 57-76. ISBN 978-967-0194-24-0 .

### Abstrak

Dalam abad 21" ini, mendidik anak adalah satu tugas yang penting bagi ibu bapa. Dalam folio ini, kami akan membincang tentang bagaimana semangat kekitaan dalam keluarga membantu dalam tumbesaran anak-anak. Peranan ibu bapa adalah untuk mendidik dan menjaga anak. Bagaimanakah mereka menjaga anak? Mereka menganggap hukuman fizikal adalah salah satu cara untuk mendidik anak. Adakah ini betul? Apakah punca dan kesan hukuman fizikal? Terdapat beberapa cara alternatif untuk mendisiplin anak-anak. Akan tetapi terdapat juganya kesalahan yang dilakukan oleh ibu bapa terhadap anak-anak. Selain itu, anak-anak juga perlu belajar dalam kehidupan harian, penyelesaian masalah dan semasa remaja.

# 4

## SEMANGAT KEKITAAN DALAM SESEBUAH KELUARGA

Se Kuan Wei  
Chin Sam Yoong  
Kamarul Azmi Jasmi

### Abstrak

*Dalam abad 21<sup>st</sup> ini, mendidik anak adalah satu tugas yang penting bagi ibu bapa. Dalam folio ini, kami akan membincang tentang bagaimana semangat kekitaan dalam keluarga membantu dalam tumbesaran anak-anak. Peranan ibu bapa adalah untuk mendidik dan menjaga anak. Bagaimanakah mereka menjaga anak? Mereka menganggap hukuman fizikal adalah salah satu cara untuk mendidik anak. Adakah ini betul? Apakah punca dan kesan hukuman fizikal? Terdapat beberapa cara alternatif untuk mendisiplin anak-anak. Akan tetapi terdapat juganya kesalahan yang dilakukan oleh ibu bapa terhadap anak-anak. Selain itu, anak-anak juga perlu belajar dalam kehidupan harian, penyelesaian masalah dan semasa remaja.*

### PENGENALAN

Pada zaman yang serba moden ini, pendidikan memainkan peranan penting dalam mengubah manusia daripada kehidupan yang penuh dengan kesusahan kepada kehidupan yang penuh dengan kesenangan. Dalam konteks sejarah, pendidikan telah mengubah zaman jahiliah kepada zaman yang bertamadun (Noor Azizi Ismail, 2010: 2-3). Menurut Noor Azizi Ismail dalam buku Pendidikan kanak-kanak dalam Islam (2010), Islam menegaskan bahawa pendidikan amat penting untuk mengubah nasib umat Islam dari kemunduran kepada

kemajuan. Hal ini dapat dilihat daripada wahyu pertama yang diturunkan oleh Malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad s.a.w. iaitu “iqra”.

Padahal Allah telah menjelaskan di dalam al-Quran bahawa ilmu agama (agama Islam) itu akan mengangkat derajat seseorang kepada tingkat kemuliaan (Abdullah Nasih Ulwan, 1996: 4). Selain itu, Allah membedakan antara orang yang memiliki ilmu dengan orang yang tidak memiliki ilmu, bagaikan orang yang berjalan tegak di atas kakinya dengan orang yang berjalan telungkup di atas wajahnya (Abdullah Nasih Ulwan, 1996: 5). Allah berfirman:

أَفَمَنْ يَمْشِي مُكِبًّا عَلَىٰ وَجْهِهِ أَهْدَىٰ أَمَّنْ يَمْشِي سَوِيًّا عَلَىٰ صِرَاطٍ

مُسْتَقِيمٍ

Maksud: *Maka apakah orang yang berjalan terbalik diatas mukanya itu (dianggap) lebih mendapatkan petunjuk daripada orang yang berjalan tegak diatas jalan yang lurus?*

(Surah *al-Muluk*, 67:22)

Firman Allah di atas menunjukkan bahawa ilmu disisi Allah itu sangatlah penting kerana jika orang tersebut memiliki pegangan ilmu maka ia akan tenang berjalan di atas kakinya dengan petunjuk Allah (Marwan Ibrahim, 2003: 3). Oleh kerana itu, pendidikan yang bernuansa Islam haruslah ditanamkan kepada anak-anak kita dari kini hingga dewasa, sehingga ketika mereka terjun dan membaur ke dalam masyarakat, mereka akan siap menghadapi pelbagai fitnah yang mungkin akan mereka hadapi atau menimpa pada akhir zaman ini (Marwan Ibrahim, 2003: 3).

Dalam artikel ini, kami akan menjelaskan bagaimana perasaan kekitaan mempengaruhi pertumbuhan kanak-kanak. Menurut Kamus

Dewan (2005), perasaan kekitaan lahir dari seseorang individu yang merasakan dirinya ada kaitan dengan sesuatu kumpulan dan keluarga. Setiap ahli dalam sesuatu kumpulan atau keluarga berkongsi identiti yang sama dan ini dapat memperkayakan perasaan kekitaan. Kita tidak dapat menafikan bahawa kanak-kanak juga memerlukan perasaan kekitaan dalam keluarga untuk mewujudkan keluarga yang bahagia dan harmoni. Dalam konteks ini, ibu bapa memainkan peranan utama dalam mewujudkan perasaan kekitaan dalam keluarga (Hall, 2008: 64).

## PERANAN IBU BAPA

Ibu bapa merupakan wadah penting dalam membantu anak-anak menghadapi pelbagai pancaroba dalam kehidupan (Hall, 2008: 64). Peranan yang dimainkan oleh kedua ibu bapa penting bagi menentukan keberkesanan sesebuah keluarga (Marwan Ibrahim, 2003: 3). Hal ini jelas sebagaimana sabda Rasulullah dalam satu hadis (Muslim, 2001: 4803):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يَهُودَانِهِ وَيَنْصِرَانِهِ وَيَمَجْسَانِهِ

Maksud: *Abu Hurairah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Setiap anak dilahirkan di atas fitrah (suci murni) melainkan ibu bapanya yang menyahudikannya atau mengkristiankannya atau memajusikannya."*

(Muslim)

Firman tersebut menjelaskan bahawa betapa pentingnya pendidikan keibu bapaan dalam usaha mendidik kanak-kanak (Omar Syed Agril, 2009: 3). Pendidikan akan mewujudkan akhlak yang mulia

(Marwan Ibrahim, 2003: 14). Rasulullah s.a.w. menjelaskan ber-sabda yang bermaksud (Ahmad, 1994: 8595):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Maksud: *Abu Hurairah berkata; Rasulullah s.a.w. bersabda: "Hanyasanya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang baik."*

(Ahmad)

Akhlak yang mulia adalah asas kepada ketenangan dan kebahagiaan hidup (Marwan Ibrahim, 2003: 14). Akhlak yang mulia merangkumi akhlak dalam rumah tangga, pekerjaan, kepimpinan dan perniagaan agar kita menjadi contoh dan teladan kepada masyarakat (Marwan Ibrahim, 2003: 14). Akhlak menuntut kita supaya sentiasa amanah, adil, berbuat baik, rendah diri, tidak melakukan perbuatan keji dan menindas orang lain (Marwan Ibrahim, 2003: 15).

Menurut Hall (2008) dalam bukunya *Rising Kids in 21st Century*, pendidikan keibu bapaan ialah cara ibu bapa memberi layanan dan berkomunikasi dengan anak-anak mereka dengan penuh kasih sayang, selain menunjukkan keprihatinan terhadap segala urusan keluarganya. Terdapat beberapa cara dalam pendidikan anak-anak.

Pada zaman sekarang terdapat ibu bapa yang tidak mampu mengendalikan anak-anak. Hal ini disebabkan ibu bapa tersebut sering cuba berkuasa sepenuhnya dalam semua perkara sehingga anak-anak tidak dapat memberikan pandangan mereka sendiri. Ibu bapa seharusnya bersikap demokrasi dengan mengajar anak-anak mereka membuat keputusan dengan rasional. Hal ini membolehkan anak-anak mengetahui harapan keluarga terhadap mereka dan tanggungjawab mereka dalam keluarga. Pengetahuan ini dapat membantu mereka menjadi seorang yang berdikari. Di samping itu, ibu bapa boleh memberikan alternatif kepada anak-anak dengan tujuan dia membantu mereka. Walaubagaimanapun, ibu bapa seharusnya

tidak terlalu bersikap demokrasi sehingga membiarkan anak-anak mereka membuat keputusan tanpa pengawasan.

Selain itu, ibu bapa perlu banyak bertolak ansur dengan anak-anak dan tidak terlalu mengongkong anak-anak dalam membuat keputusan. Anak-anak juga perlu memahami bahawa kebebasan yang diberikan bukan bermakna mereka boleh melakukan sesuatu dengan sesuka hati mereka (Hall, 2008: 68).

### **HUKUMAN FIZIKAL**

Hukuman fizikal merupakan hukuman yang melibatkan jasmani (*Kamus Dewan*, 2000: 453) dan hukuman fizikal merangkumi hukuman seperti merotan, menengking dan memukul. Ibu bapa sering menggunakan hukuman seperti memukul punggung, memukul tangan terhadap kanak-kanak yang nakal sebagai suatu denda (Rahim, 2006: 8). Dari segi psikologi, para penyelidik mempunyai pandangan yang berbeza. Walaubagaimanapun, hukuman tersebut terhadap kanak-kanak yang nakal amat dipersetujui oleh pakar-pakar psikologi (Hall, 2008: 69). Akan tetapi, telah wujudnya satu persoalan tentang bagaimana membezakan kecederaan sama ada dari segi emosi atau fizikal. Menurut pandangan Islam, merotan merupakan kaedah pendidikan (at-tarbiyyah wa at-ta'dib) dan bukan sebagai hukuman (al-'uqubah). Namun, merotan hendaklah mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan oleh syarak. Antaranya ialah hanya anak-anak yang berumur 10 tahun ke atas boleh dirotan, mengelakkan merotan pada muka, perut, dan kemaluan, merotan adalah dengan mendidik dan bukannya untuk mendera anak. Perkataan ijlidu merujuk kepada merotan dalam al-Quran yang berasal daripada perkataan jaldun yang bermaksud kulit (Abdullah Nasih Ulwan, 1996: 224). Justeru, had merotan hanya menyebabkan anak-anak merasa pedih sahaja. Jadi, ibu bapa perlu bertanggungjawab terhadap kecederaan yang dilakukan oleh mereka terhadap anak-anak.

## HUKUMAN FIZIKAL DAN TANGGUNGJAWAB IBU BAPA

Ibu bapa percaya hukuman fizikal adalah salah satu cara yang berkesan untuk mendidik anak. Lama-kelamaan, ibu bapa menganggap hukuman fizikal terhadap anak adalah tidak bersalah. Pada masa yang sama, ibu bapa tidak menyedari bahawa hukuman tersebut telah mencederakan anak bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga mental (Hall, 2008: 70). Banyak berita yang kita dengar telah mengibaratkan hukuman fizikal sebagai suatu penderaan. Sekiranya kes penderaan kanak-kanak didapati, banyak tindakan akan dilakukan oleh pihak pihak tertentu terhadap pendera.

Berbagai tanggungjawab yang paling menonjol dan diperhatikan oleh Islam adalah tanggungjawab para pendidik terhadap individu-individu yang berhak menerima pengarah, pengajaran, dan pendidikan dari mereka (Omar Syed Agril, 2009: 44). Pada umumnya, tanggungjawab adalah tanggungjawab yang besar, pelik dan sangat penting. Sekiranya kita mengkaji ayat-ayat Al-Qu'ran dalam memerintahkan kepada para pendidik untuk memikul tanggungjawab dan memberikan peringatan jika meremehkan kewajiban mereka, sudah pasti kita akan mengetahui lebih banyak dari apa yang disebutkan dalam istilah "tanggungjawab" (Abdullah Nasih Ulwan 2010: 143). Allah berfirman:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ  
 يُتِمَّ الرَّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا  
 تُكَلِّفُ نَفْسٌ إِلَّا نَفْسَهَا وَلَا تَضَارَّ وَالِدَةٌ بِوَالِدِهَا

Ertinya: Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajiban ibu bapa pula ialah memberi makan

*dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita derana anaknya, dan jangan juga menjadikan seseorang bapa itu menderita kerana anaknya.*

(Surah *al-Baqarah*, 2:233)

Firman tersebut telah menjelaskan betapa pentingnya tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Hal ini kerana tanggungjawab itu dimulai dari masa kelahiran sampai berangsur-angsur anak mencapai masa analisa, pubertas dan sampai anak menjadi dewasa yang wajib memikul segala kewajipan.

## **PUNCA HUKUMAN FIZIKAL**

Konflik antara ahli keluarga mungkin mewujudkan hukuman fizikal terhadap anak-anak mereka. Menurut kajian, konflik perkahwinan dan konflik pasangan mempunyai kaitan dengan hukuman fizikal selepas anak mereka dilahirkan (Rahim, 2006: 30). Dari segi sosial, kecederaan terhadap kanak-kanak dibantah dan mengatakan bahawa kebanyakan hukuman fizikal tidak diperlukan. Walaubagaimanapun, terdapatnya ibu bapa yang berpegang teguh kepada prinsip sendiri bahawa hukuman fizikal adalah cara yang paling berkesan untuk mendisiplinkan kanak-kanak. Selain itu, ada juga ibu bapa terpengaruh oleh tayangan-tayangan televisyen yang mengandungi unsur-unsur keganasan (Hall, 2008: 70). Secara tidak langsung, mereka melakukan hukuman fizikal terhadap kanak-kanak.

Permasalahan ibu tunggal dalam sesebuah keluarga juga salah satu punca ibu tersebut sering mengenakan hukman fizikal terhadap kanak-kanak. Kehidupan keluarga ibu tunggal dianggap oleh masyarakat sebagai keluarga handikap atau abnormal. Hal ini kerana keluarga begini diketuai oleh ibu sahaja, dan tanpa mendapat sokongan oleh bapa yang sering dianggap umum sebagai tonggak yang menyara dan melindungi keluarga. Menurut perspektif Islam, Islam telah mengangkat tinggi martabat wanita dan tidak memandang hina kepada golongan



janda atau balu (Rahim, 2006: 50). Kedudukan janda atau balu pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat tidak seperti apa yang ada pada zaman kini. Mereka tidak begitu menghadapi masalah kewangan dan juga masalah sosial. Perasaan prasangka buruk atau pandangan serong masyarakat terhadap ibu tunggal juga tidak wujud pada zaman tersebut kerana sikap ini merupakan satu bentuk penganiayaan kepada golongan yang tidak berdosa. Islam melarang keras seseorang yang berprasangka buruk terhadap sesama manusia (Azizi Yahaya, 2009: 24). Firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَحْتَسِبُوا وَلَا يَغْتَبَ بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

Maksud: *Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari-pada sangkaan. (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah sesetengah daripada kamu mengumpat sesetengah yang lain. Adakah seseorang dari-pada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Mengetahui.*

(Surah *al-Hujurat*, 49:12)

Daripada firman di atas, kita dapat menyimpulkan bahawa Islam tidak memandang rendah kepada golongan ibu tunggal. Islam memberi hak-hak yang seadilnya kepada golongan ini bagi mengelakkan mereka berada dalam keadaan tertekan dan ditindas.

Semua makhluk di bumi ini adalah sama di sisi Allah. Hanya iman dan takwa sahaja yang membezakan darjat antara manusia (Rahim, 2006: 38).

Di samping itu, punca hukuman fizikal terhadap kanak-kanak juga disebabkan oleh faktor ketidakpuasan keputusan akademik kanak-kanak di sekolah (Hall, 2008: 72). Pada zaman yang sebar moden ini, ibu bapa suka membandingkan keputusan anak sendiri dengan anak jiran atau sanak saudara lain yang mendapat keputusan baik. Jika keputusan anak jiran atau sanak saudara lebih baik daripada anak mereka, mereka akan memukul supaya anak mereka menang anak jiran tersebut. Hal ini telah menyebabkan anak menghadapi tekanan yang amat berat (Rahim, 2006: 53). Ada juga di antara ibu bapa yang tidak membenarkan anak mereka mengikuti aktiviti ko-kurikulum dan permainan di sekolah kerana mereka menganggap aktiviti tersebut akan mengganggu rentak mereka membuat persediaan bagi menghadapi peperiksaan (Hall, 2008: 72). Apabila anak mendapat keputusan yang tidak memuaskan, ibu bapa seharusnya memberikan anak mereka kekuatan semangat atau kata-kata galakkan supaya membuat penilaian atau munasabah diri agar mendapat keputusan yang lebih bagus (Omar Syed Agril, 2009: 66).

### **KESAN HUKUMAN FIZIKAL**

Sekiranya ditinjau secara terperinci, hukuman fizikal mendatangi lebih keburukan daripada kebaikan (Hall, 2008: 72). Kanak-kanak ibarat kertas putih yang suci dan mereka sering mencontohi perlakuan penjaga mereka. Apabila mereka melihat perlakuan ibu bapa, mereka berkemungkinan besar akan meniru perlakuan tersebut (Omar Syed Agril, 2009: 34). Itu merupakan kemungkinan yang paling tinggi peratusnya dan sumber pengaruh yang paling utama (Hall, 2008: 76). Sebagai contoh, kanak-kanak yang sering dipukul oleh ibu bapa akan melakukan perkara yang sama terhadap rakannya. Sekiranya ibu bapa mahu anak-anak mematuhi dan mentaati

mereka, ibu bapa haruslah memastikan bahawa mereka benar-benar memainkan peranan sebagai idola utama. Sewajarnya, pembentukan sahsiah dan akhlak anak-anak perlu selari dengan tingkah laku ibu bapa (Omar Syed Agril, 2009: 35). Selepas ibu bapa melakukannya, barulah sesuai untuk diajar dan diikuti oleh anak-anak.

Selain itu, kanak-kanak yang sering dipukul dan dirotan atau disebat oleh ibu bapa akan menjadi lebih agresif apabila dewasa dan tidak mustahil mereka boleh terjebak ke kancah jenayah. Dalam masa jangka panjang, hukuman fizikal terhadap kanak-kanak tidak akan mendidik anak-anak sebaliknya hanya menambahkan lagi sikap agresif dalam dirinya. Sekiranya ditinjau secara teliti, kanak-kanak tersebut akan menganggap hukuman tersebut merupakan suatu kebiasaan (Hall, 2008: 74). Oleh itu, hukuman rotan atau sebat bukanlah kaedah yang berkesan untuk mendidik kanak-kanak kerana hukuman tersebut hanya meninggalkan kesan jangka pendek sahaja.

Menurut pandangan Islam, hati kedua orang ibu bapa diberi fitrah untuk mencintai anak dan tumbuh perasaan-perasaan psikologis, perasaan keabapakan untuk memelihara, mengasihi, menyayangi dan memperhatikan kepentingan anak-anak (Rahim, 2006: 15). Sekiranya perasaan-perasaan itu tidak wujud, maka manusia akan lenyap dari permukaan bumi. al-Quran menjadikan anak-anak sebagai perhiasan hidup:

أَلْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ

خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمْلاً ﴿٤٦﴾

Maksud: *Harta benda dan anak pinak itu ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan; dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.*

(Surah al-Kahfi, 18:46)

Firman tersebut menjelaskan bahawa ibu bapa tidak akan sabar memelihara anak-anak mereka, tidak mahu mengasuh dan mendidik, tidak mahu memperhatikan persoalan dan kepentingan anak-anak (Rahim, 2006:15). Tambahan pula, Al-Qu'ran memandang mereka sebagai nikmat agung yang berhak untuk disyukuri kepada Allah S.W.T:

وَكَذَلِكَ يَجْزِيكَ رَبُّكَ وَيُعَلِّمُكَ مِنْ تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ وَيُتِمُّ  
 نِعْمَتَهُ عَلَيْكَ وَعَلَىٰ آلِ يَعْقُوبَ كَمَا أَتَمَّهَا عَلَىٰ أَبَوَيْكَ مِنْ قَبْلُ  
 إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ إِنَّ رَبَّكَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦﴾

Maksud: *Dan demikianlah caranya Tuhanmu memilihmu, dan akan mengajarmu takbir mimpi serta akan menyempurna nikmatNya kepadamu dan kepada keluarga Yaakub: sebagaimana Ia telah menyempurnakannya kepada datuk nenekmu dahulu: Ibrahim dan Ishak. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*

(Surah Yusuf, 12:6)

Daripada firman-firman Allah S.W.T di atas jelas menunjukkan bahawa ibu bapa berperanan dalam menjaga psikologis anak-anak mereka. Ibu bapa juga berperanan dalam mendidik, memelihara, dan memperhatikan kemaslahatan mereka.

## **CARA ALTERNATIF BAGI MENDISIPLINKAN ANAK-ANAK**

Menurut *Kamus Dewan* (2000: 304), definisi disiplin merupakan peraturan yang ditetapkan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik. Mendisiplinkan kanak-kanak merupakan tanggung-

jawab besar ibu bapa, bermula dari usia awal kelahirannya. Ianya penting untuk membentuk perkembangan mental dan emosi yang seimbang. Salah satu cara alternatif untuk mendisiplinkan kanak-kanak ialah komunikasi antara ibu bapa dengan anak melalui pujian dan kritikan. Cara ini boleh membawa kelegaan emosi kepada anak-anak. Pujian untuk tingkah laku yang baik adalah satu cara alternatif proaktif. Hal ini amat penting kerana ini dapat mempengaruhi masa depan anak tersebut. Kritikan yang diberikan harus kena pada tempatnya. Sebagai contoh, jika anak menunjukkan lukisannya kepada ibu bapa (lukisan kurang menarik), ibu bapa seharusnya memuji anak tersebut dengan menyatakan: “cantiknya lukisan ini, lagi cantik kalau Amirah tambah bunga di sini.” Kritikan yang diberikan seharusnya tidak secara terus tetapi memuji terlebih dahulu. Di samping itu, terdapatnya organisasi yang membantu ibu bapa belajar cara mendidik kanak-kanak dengan cara yang lebih efektif tanpa menggunakan hukuman fizikal. Pusat kaunseling di universiti dapat memberikan panduan kepada ibu bapa atau merujuk ibu bapa kepada sumber lain.

Selain itu, sebagai seorang ibu atau bapa, ibu bapa bertanggungjawab untuk mendidik anak tentang perbezaan kelakuan yang baik dan kelakuan yang tidak baik (Hall, 2008: 74). Hal ini demikian mungkin kelihatan rumit, tetapi sebenarnya bukan begitu susah. Hal ini disebabkan anak-anak mengambil masa yang panjang untuk menyedari kesalahan, ibu bapa mungkin terpaksa mengambil masa beberapa minggu untuk mengubah sikap anak-anak mereka sebelum sebarang perubahan dapat dilihat. Jangan berputus asa dengan cepat jika anak-anak tidak menyedari kesilapan mereka serta-merta.

Pepatah Melayu: “Melentur Buluh Biar Dari Rebungnya.” Pepatah Melayu ini menjelaskan bahawa proses mendisiplinkan anak perlu bermula sejak anak dilahirkan. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Ajarilah anak-anak kecilmu kalimah *Laa ilaaha illallah* sewaktu ia mulai berbicara dan tuntunlah mereka untuk membaca *Laa ilaaha illallah* sewaktu menghadapi kematian.” Dalam Islam, disiplin ialah kemampuan seseorang itu mengawal dirinya agar dapat mematuhi ajaran Islam

dalam semua aspek kehidupannya sehingga dia berjaya dalam kehidupan dunia dan akhirat (Syed Omar Syed Agil, 2009: 40). Jadi, ibu bapa perlu mengajar anak-anak sejak kecil lagi. Salah satu cara adalah mengajar mereka tentang pengurusan masa. Pelajar dan remaja harus mampu menguruskan masa mereka dengan berkesan. Ingatlah firman Allah S.W.T:

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

*Maksud: Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian kecuali yang beriman dan beramal soleh, pesan memesan dalam kebenaran dan pesan memesan dalam kesabaran.*

(Surah al-‘Asr, 103:1-3)

Oleh itu, mereka seharusnya tidak memberikan masa yang lebih untuk aktiviti luaran dan fizikal melebihi jadual pembelajaran mereka atau menggunakan sebahagian masa yang sedikit ini untuk melakukan aktiviti yang tidak berfaedah.

### **SIFAT KEIBU BAPAAN YANG BERKESAN**

Pendidikan keibu bapaan adalah kombinasi antara melaksanakan tanggungjawab sebagai ibu bapa dan memiliki keperibadian ibu bapa yang baik. Corak pendidikan yang dilaksanakan oleh ibu bapa sangat mempengaruhi perkembangan pendidikan anak-anak pada masa depan. Dalam konteks ini, terdapat beberapa sifat yang perlu ada pada kedua-dua ibu bapa bagi mewujudkan perasaan kekitaan dalam kalangan anak-anak. Salah satu sifat keibu bapaan adalah pengimbangan antara kawalan ibu bapa dan kuasa autonomi kanak-kanak (Hall, 2008: 75). Ibu bapa perlu memberi

peluang kepada anak untuk membuat keputusan. Akan tetapi, ibu bapa juga perlu menerangkan bahawa sesuatu batasan atau had kepada anak masing-masing supaya anak mereka tidak memberontak atau mempunyai fikiran negatif. Hal ini penting kerana kalau tiada batasan atau had dikenakan kepada anak-anak, mereka akan melakukan sesuatu dengan sesuka hatinya.

Selain itu, ibu bapa juga perlu sentiasa mengadakan perbincangan untuk mendapatkan keputusan (Azizi Yahaya, 2009: 86). Tujuan mengadakan perbincangan antara dengan anak-anak bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan antara ahli keluarga, bahkan juga dapat menyelesaikan masalah antara keluarga. Apabila anak-anak menghadapi masalah dengan rakan-rakan, anak-anak boleh membincang dengan ibu bapa dan ibu bapa boleh memberi nasihat untuk membantu anak menyelesaikan masalah.

Ibu bapa juga hendaklah memberikan kasih sayang yang diperlukan kepada anak-anak. Hal ini sangat penting sekali agar anak belajar mencintai orang lain (Syed Omar Syed Agil, 2009: 60). Jika anak tidak pernah mendapatkan kasih sayang, maka mereka akan tumbuh mencintai dirinya sendiri dan membenci orang disekitarnya. Seorang ibu muslimah tentunya tidak ada sesuatu pun yang menghalanginya untuk memenuhi kebutuhan alami anaknya iaitu berupa kasih sayang dan perlindungan, serta perhatian yang mendalam terhadap perkembangan anak-anaknya, jika tidak maka ia akan merusak seluruh eksistensi anak yang sikkurniakan Allah dengan rahmat dan hikmahNya.

Di samping itu, ibu bapa juga haruslah menjadi teladan yang baik bagi anak-anak (Hall, 2008: 74). Ibu bapa haruslah tidak melakukan tindakan yang salah di hadapan anak-anak (Azizi Yahaya, 2009: 40). Tindakan-tindakan yang salah termasuk cakap kasar, memakai pakaian yang tidak menutup aurat, terjebak ke kancan jenayah dan lain-lain. Ibu bapa mestilah berkelakuan baik kerana anak-anak memiliki dua alat penangkap dan alat peniru. Anak akan menangkap dan meniru segala yang dilihat dan didengar apapun yang terjadi di sekitarnya.

Dalam pada itu, ibu bapa perlu mempunyai sikap mempercayai bahawa anak mereka tidak mengalami sebarang masalah, adalah ibu bapa yang tidak tahu mendidik anak-anak mereka. Mengikut Neil R. Carson (1997), ibu bapa perlu banyak bertolak ansur dengan anak-anak dan tidak terlalu mengongkong anak-anak dalam membuat keputusan. Anak-anak juga perlu memahami bahawa kebebasan yang diberikan bukan mereka boleh melakukan sesuatu dengan sesuka hati mereka (Azizi Yahaya, 2009: 71).

### **BEBERAPA KESALAHAN YANG DILAKUKAN OLEH IBU BAPA**

Salah satu kesalahan besar yang sering dilakukan oleh kedua ibu bapa ialah ucapan ibu bapa tidak sesuai dengan perbuatannya (Abu Fuad, 2005: 86). Hal ini merupakan kesalahan terpenting kerana anak-anak belajar dari ibu bapa, tetapi yang dilakukan oleh ibu bapa bertentangan dengan apa yang telah diajarkan terhadap anak. Tindakan ini berpengaruh buruk terhadap mental anak-anak. Allah mencela perbuatan ini dengan berfirman-Nya:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لِمَ تَقُوْلُوْنَ مَا لَا تَفْعَلُوْنَ ﴿٢﴾

كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللّٰهِ اَنْ تَقُوْلُوْا مَا لَا تَفْعَلُوْنَ ﴿٣﴾

Maksud: *Hai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan apa yang tidak kamu perbuat? Amat besar kebencian disisi Allah bahawa kamu mengatakan apa yang tiada kamu kerjakan.*

(Surah *al-Shaf*, 61:2-3)

Firman tersebut menjelaskan bahawa ibu bapa seharusnya sentiasa berbuat perlakuan yang baik dan sentiasa menjadi idla kepada anak-anak mereka. Hal ini kerana segala perlakuan yang dilakukan oleh ibu bapa akan dicontohi oleh anak mereka.



Selain itu, membiarkan anak menjadi korban rancangan televisyen juga merupakan salah satu kesalahan yang sering dilakukan oleh ibu bapa (Hall, 2008: 76). Media massa mempunyai pengaruh yang besar sekali dalam perbuatan anak (Rahim, 2006: 89). Pada zaman sekarang, hampir semua keluarga mempunyai televisyen. Rancangan televisyen merupakan media yang paling berbahaya dan berpengaruh besar terhadap perlakuan anak-anak (Syed Omar Syed Agil, 2009: 40). Penampilan wanita-wanita yang seronok tanpa busana, memakai pakaian yang menjolok mata, kisah mabuk-mabukan, merokok, mencuri, melakukan tipu muslihat, dan sifat-sifat lain yang tidak sopan. Tayangan itu akan menyerbu dunia anak-anak dan menodai fitrah yang suci dengan dalih acaaa anak-anak.

Pada zaman yang serba moden ini, banyak ibu bapa sering menyerahkan tanggungjawab pendidikan anak kepada pembantu atau pengasuh (Rahim, 2006: 94). Hal ini adalah kesalahan yang sangat serius dan banyak terjadi dalam masyarakat. Padahal ini sangat berpengaruh terhadap kejiwaan anak. Anak tersebut akan berasa kehilangan kasih sayang kerana ibunya membiarkannya dalam perawatannya wanita lain seperti pembantu rumah atau membawanya ke tempat pengasuhan. Sekiranya seseorang anak tidak mendapat kasih sayang daripada keluarganya sejak kecil-kecil lagi, dia akan bertindak keras terhadap anggota masyarakat (Hall, 2008: 76). Secara tidak langsung, kadar masalah sosial akan terus meningkat.

## **PEMBELAJARAN DALAM KEHIDUPAN HARIAN**

Tiap-tiap hari, ahli-ahli keluarga mempunyai tanggungjawab yang perlu diselesaikan. Akan tetapi, sesetengah keluarga mungkin banyak memberi tugas kepada anak-anak kerana masalah ekonomi. Bukan semua keluarga mempunyai kekayaan untuk mendidik anak-anak dengan perlahan, tetapi dengan panduan anak-anak yang banyak mempunyai tugas boleh berjaya juga. Tugas yang diberi perlulah senang dan bertambah susah apabila anak-anak

membesar. Memberi mereka pilihan akan meningkatkan kompetensi dan keyakinan diri mereka (Hall, 2008: 77). Sesebuah keluarga akan sentiasa cuba menjaga maruah dan nama baik keluarganya. Justeru, anak-anak mereka perlu diasuh, dijaga supaya akur, dan tidak melanggar peraturan hidup atau adat budaya bangsanya (Azizi Yahaya, 2009: 202). Ibu bapa bertanggungjawab mendidik anak-anak mereka supaya bersolat dan tidak meninggalkan solat sejak kecil. Hal ini penting kerana ini menjadi satu kebiasaan anak-anak untuk bersolat setiap hari pada masa kelak.

### **PEMBELAJARAN DALAM PENYELESAIAN MASALAH**

Penyelesaian masalah dan toleransi adalah penting dalam sesebuah keluarga. Penyelesaian masalah tidak bermakna menyelesaikan masalah yang negatif sahaja, tetapi bermakna akan bekerja bersama dengan penyetujuan semua ahli keluarga dalam melakukan sesuatu perkara (Hall, 2008: 78). Anak-anak perlu terlibat dalam penyelesaian masalah tentang sama ada aktiviti tugas ataupun aktiviti masa lapang.

### **MEMBANGUNKAN KEMAHIRAN SOSIAL UNTUK MENJADI MATANG**

Ketika ibu bapa memahami keperluan anak-anak dengan keseimbangan struktur dan kebebasan, anak-anak belajar ibu bapa mereka mengambil berat tentang mereka (Hall, 2008: 80). Di samping itu, mereka mendapati penyelesaian masalah dan pilihan boleh menyeronokkan dan mereka mempunyai kawalan ke atas persekitaran mereka (Hall, 2008: 80). Cara membuat keputusan ini yang kurang risiko bermakna pembelajaran tentang membuat keputusan masa depan, berdikari akan dibina dahulu. Membenarkan anak-anak membuat keputusan juga bermakna membantu mereka belajar dari keputusan yang salah. Hal ini penting kerana ini boleh menjejaskan pilihan dan tingkah laku anak-anak.

## **PEMBELAJARAN SEMASA REMAJA**

Dalam zaman remaja, komitmen kepada kekitaan keluarga mungkin memerlukan fleksibiliti dan autonomi yang lebih banyak dijangka oleh remaja (Hall, 2008: 80). Selari dengan jangkaan remaja, ibu bapa mengharapkan anak-anak bertanggungjawab untuk membuat keputusan. Menurut Muqadimah setiap manusia yang beriman akan membuat keputusan dalam kehidupan. Malahan setiap saat dalam kehidupan ini manusia akan membuat keputusan. Keputusan itu boleh jadi keputusan yang mengikut al-Quran dan sunnah dan mungkin juga keputusan itu adalah bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah. Menyelesaikan masalah tentang alternatif sampai ke keputusan mungkin memerlukan input yang banyak daripada remaja supaya mereka berasa dihargai. Salah satu cara yang boleh digunakan oleh remaja adalah konsep "sumbang saran" sebagai salah satu cara untuk mencapai keputusan yang penting (Azizi Yahaya, 2009: 302). Konsep percambahan fikiran ini boleh digunakan oleh anak-anak yang belajar di sekolah. Remaja adalah lebih bersaing tinggi berbanding dengan anak-anak yang muda dengan berfikir beberapa alternatif pada masa yang sama. Hal ini demikian adalah satu bahagian tentang kemahiran pemikiran remaja. Akan tetapi, remaja juga akan mengalami kesusahan dengan orang lain sama ada di rumah ataupun di luar rumah. Di luar rumah, anak-anak mengalami kesukaran dengan isu-isu persahabatan dan isu-isu sekolah. Pada masa inilah, ibu bapa perlu membimbing anak-anak dalam membuat keputusan dan percambahan fikiran boleh membantu seseorang yang terlibat termasuknya ibu bapa dalam membuat keputusan.

## **PEMBANGUNAN KELUARGA**

Dengan teknik keibu bapaan yang efektif dan tumpuan dalam pembangunan hubungan, keluarga dapat dibina dan disokong (Hall, 2008: 84). Ketika anak-anak mengalami semangat kekitaan

dalam keluarga, mereka akan membuat keputusan ketika ibu bapa tidak ada di sisi mereka. Situasi yang paling teruk ialah apabila anak-anak sampai ke waktu remaja. Dalam tempoh ini, ibu bapa akan memberi kebebasan kepada anak-anak dan anak-anak juga boleh berfikir sendiri. Dalam situasi seperti aktiviti seksual dan minum minuman haram bawah umur, anak-anak yang berdikari dapat menggunakan abiliti menyelesaikan masalah yang diajari oleh ibu bapa.

## **PENUTUP**

Keluarga merupakan unit asas dalam membentuk sebuah masyarakat. Oleh itu, kejayaan dan kesejahteraan sesebuah keluarga amat penting dalam membentuk masyarakat yang sejahtera, berjaya dan maju. Hubungan baik antara ahli keluarga memastikan sistem keluarga berfungsi dengan lancar dan ini melibatkan ibu bapa, anak-anak dan adik-beradik. Walaupun keluarga boleh berbeza menurut latar belakang ekonomi, agama atau bangsa, tetapi perasaan kekitaan dalam keluarga adalah amat penting untuk setiap individu. Ibu bapa perlu mencari satu keseimbangan antara kawalan dan autonomi. Ahli psikologi percaya bahawa pemberian autonomi bersama-sama dengan model dan pengajaran awal adalah satu strategi yang bagus untuk membina kecekapan anak-anak yang akan memindahkan kepada domain luar keluarga.

## **RUJUKAN**

- Abd. Rahim Abd. Rashid. 2006. *Krisis & Konflik Institusi Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Abdullah Nasih Ulwan. 2010. *Pedoman pendidikan anak-anak dalam Islam*. Kuala Lumpur: Victory Agencie
- Abu Fuad Firdaus Ahmad Sanusi. 2006. *Pedoman Pendidikan Islam Sejak Anak dalam Kandungan Hingga Dewasa*. Jakarta:

Pustaka Abu Hurairah.

- Ahmad b. Hambal, al-Imam Abu 'Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al-Shaibani (1994). *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hambal*. Juz. 1-12. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip, Shahrin Hashim, Yusof Boon, Jamaludin Ramli. 2009. *Membentuk Keluarga Berkesan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus Dewan*. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hall, 2008. *Raising Kids in the 21<sup>st</sup> Century*. Malden, MA: A Jogn Wiley & Sons, Ltd, Publication.
- Kerajaan Arab Saudi, Kementerian Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah dan Nasihat Al-Quran Digital. [http:// www.surah.com](http://www.surah.com)
- Marwan Ibrahim al-Kaysi. 2003. *Petunjuk Praktis Akhlak Islam*. Jakarta: Penerbit Lentara.
- Muslim, al-Imam Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al-Naisaburi. 2001. *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Noor Azizi Ismail. 2010. *Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam*. Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia(USIM).
- Syed Omar Syed Agril al-Attas. 2009. *Jiwa Remaja*. Kuala Lumpur: Pustaka Yamien Sdn. Bhd.